MOH/F/FAR/212.26(GU)-e
K-GU-94 (1.0)

Kementerian Kesihatan Malaysia


www.pharmacy.moh.gov.my

PANDUAN TUNTUTAN PENGIKLANAN KEMAHIRAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBENARKAN TANPA KELULUSAN LEMBAGA IKLAN UBAT



E-BUKU LIU

KANDUNGAN



01 **Pengenalan**

Akta yang dikuatkuasakan

Contoh iklan kemahiran atau perkhidmatan yang memerlukan kelulusan Lembaga Iklanb Ubat (LIU) 03

02 **Iklan kemahiran atau perkhidmatan yang tidak memerlukan kelulusan LIU**

a. Iklan yang tiada tawaran kemahiran atau perkhidmatan berhubung merawat, mencegah atau mendiagnos sesuatu penyakit atau keadaan tubuh manusia 05-06

b. Kad nama, kepala surat, cap getah dan papan tanda 07

c. Seminar / syarahan awam / pengumuman forum awam 08

d. Artikel pendidikan/ mesej kesihatan komuniti 09

e. Pengumuman akreditasi/ anugerah/ ucapan tahniah 10

PENGENALAN

AKTA YANG DIKUATKUASAKAN:

Secara umumnya, dibawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, iklan kemahiran atau perkhidmatan yang mengandungi elemen-elemen berikut memerlukan kelulusan LIU iaitu:

1. **Perkhidmatan atau kemahiran**
2. **Tuntutan merawat, mencegah atau mendiagnos**
3. **Penyakit atau keadaan tubuh manusia**
4. **Mengandungi dorongan atau pelawaan untuk mendapatkan perkhidmatan**

Ini sebagaimana termaktub di bawah **Seksyen 4A Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** iaitu:

4A. Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan kemahiran atau perkhidmatan

Tertakluk kepada Akta ini, tiada seorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan-

✗	yang merujuk kepada apa-apa **kemahiran atau perkhidmatan** yang berhubungan dengan **rawatan, pencegahan atau diagnosis** bagi sebarang **ailmen, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan** yang melibatkan **tubuh manusia**; dan
✗	yang dapat **mendorong, atau** mengandungi **pelawaaan**, sama ada nyata atau tersirat, untuk mendapatkan nasihat pengiklan atau mana-mana orang yang dirujuk dalam iklan itu berkaitan dengan kemahiran atau perkhidmatan itu
✓	Dengan syarat seksyen ini **tidak terpakai** bagi iklan yang telah mendapat **kelulusan Lembaga Iklan Ubat**, oleh mana-mana hospital swasta, klinik swasta, klinik radiologikal swasta atau makmal perubatan swasta yang dikendalikan oleh pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang sah di bawah Akta Perubatan 1971.

CONTOH IKLAN PERKHIDMATAN

MEMERLUKAN KELULUSAN LIU

PERKHIDMATAN MERAWAT PENYAKIT



DORONGAN ATAU PELAWAAN

TAHUKAH ANDA

Penyiaran iklan kemahiran atau perkhidmatan TIDAK memerlukan kelulusan LIU sekiranya kandungan iklan tiada elemen merawat, mencegah atau mendiagnos sesuatu penyakit atau keadaan tubuh manusia seperti berikut:

1. **Iklan yang tiada tawaran kemahiran atau perkhidmatan berhubung merawat, mencegah atau mendiagnos sesuatu penyakit atau keadaan tubuh manusia**
2. **Kad nama, kepala surat, cap getah dan papan tanda**
3. **Seminar / syarahan awam / pengumuman forum awam**
4. **Artikel pendidikan / mesej kesihatan komuniti**
5. **Pengumuman akreditasi / anugerah/ ucapan tahniah**



1 IKLAN YANG TIADA TAWARAN KEMAHIRAN ATAU PERKHIDMATAN BERHUBUNG MERAWAT, MENCEGAH ATAU MENDIAGNOS SESUATU PENYAKIT ATAU KEADAAN TUBUH MANUSIA

Berikut adalah contoh iklan yang tiada tawaran kemahiran atau perkhidmatan untuk merawat, mencegah sesuatu penyakit atau keadaan tubuh manusia:

i

Iklan kadar harga bilik hospital swasta





ii

Iklan dengan pernyataan umum seperti contoh dibawah






1 IKLAN YANG TIADA TAWARAN KEMAHIRAN ATAU PERKHIDMATAN BERHUBUNG MERAWAT, MENCEGAH ATAU MENDIAGNOS SESUATU PENYAKIT ATAU KEADAAN TUBUH MANUSIA

iii Papan tanda menunjukkan lokasi dan jarak sesuatu premis



iv Pengenalan, sejarah, visi, misi hospital atau klinik





2 KAD NAMA, KEPALA SURAT, CAP GETAH DAN PAPAN TANDA

- Maklumat pada kad nama profesional, kepala surat, cap getah, papan tanda klinik, papan tanda arah jalan dan papan tanda panduan di kompleks komersil tidak memerlukan kelulusan LIU.
- Walau bagaimanapun, ia perlu mematuhi ***'Dissemination of Information By The Medical Profession (001/2006)'*** dan ***Code of Professional Conduct 2019*** yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Kad Nama

A SPECIALIST HOSPITAL

Dr. Bernard Louis
MD (UKM), MS Ortho (UKM)
CONSULTANT ORTHOPAEDIC SURGEON
MMC No. 0000000

A Specialist Hospital
Jalan ABC, Bandar XYZ, Selangor

Papan Tanda

KLINIK ABC

Kepala Surat

MS Medical Clinic
Jalan A, Bandar X, Selangor

3 SEMINAR / SYARAHAN AWAM / PENGUMUMAN FORUM AWAM

Pengumuman atau notis hanya boleh mengandungi maklumat berikut:

- Tajuk / topik ceramah atau forum
- Tarikh dan tempat
- Nama penceramah, tempat amalan dan bidang kepakaran
- Gambar penceramah (saiz gambar pengamal perubatan tidak melebihi satu per tiga daripada saiz format iklan)
- Nama / nombor individu untuk pertanyaan

Contoh:



4 ARTIKEL PENDIDIKAN / MESEJ KESIHATAN KOMUNITI

Artikel pendidikan berkaitan isu penjagaan kesihatan boleh disampaikan kepada umum melalui percakapan, penulisan atau siaran media tanpa memerlukan kelulusan Lembaga Iklan Ubat.

Pengamal perubatan hendaklah memastikan kandungan artikel akhbar berdasarkan temu ramah untuk pendidikan umum sahaja. Media dan pengamal perubatan bertanggungjawab memastikan artikel yang diterbitkan tidak melanggar akta dan Garis Panduan yang dikuatkuasakan.

DIBENARKAN

- Nama pengamal perubatan
- Bidang amalan yang diiktiraf
- Tempat amalan



TIDAK DIBENARKAN

- Mengandungi unsur pelawaan yang menggalakkan orang ramai mendapatkan khidmat nasihat atau rawatan daripadanya
- Mengandungi gambar pengamal perubatan melakukan pembedahan, prosedur rawatan ke atas pesakit


5 PENGUMUMAN AKREDITASI / ANUGERAH / UCAPAN TAHNIAH

Kemudahan jagaan kesihatan swasta dibenarkan mengumumkan:

- **Sebarang pengiktirafan yang diterima seperti ISO, akreditasi hospital, anugerah kebangsaan atau antarabangsa, anugerah inisiatif dan lain-lain.**
- **Ucapan tahniah sempena upacara pembukaan, pelancaran cawangan, jabatan, disiplin, kemudahan perkhidmatan, kelengkapan baru dan lain-lain.**

yang hanya mengandungi maklumat seperti berikut:

- **Nama**
- **Tarikh**
- **Gambar**



ABC SPECIALIST HOSPITAL







Kementerian Kesihatan Malaysia

LEMBAGA IKLAN UBAT

www.pharmacy.moh.gov.my
03-7841 3200
liu@moh.gov.my

LOT 36, JALAN PROFESOR DIRAJA UNGKU AZIZ,
46200 PETALING JAYA, SELANGOR

PENERBITAN 2025